

Bahagian B

A. Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

dengan	kepada	tentang	dari	hingga
daripada	sejak	untuk	terhadap	di

Pada minggu lalu, SJKC Chung Hua telah mengadakan gotong-royong _____ meneriakan kawasan sekolah. Aktiviti itu melibatkan murid-murid, guru-guru, dan ibu bapa SJKC Chung Hua. Aktiviti itu dapat menyedarkan murid-murid _____ pentingnya persekitaran yang bersih, indah, dan selesa sebagai tempat menuntut ilmu.

Mereka menanam pelbagai jenis pokok bunga dan tumbuhan herba untuk meneriakan dan mewujudkan suasana rimba _____ kawasan sekolah. Selain itu, mereka turut membina kolam ikan. Dengan memelihara ikan, murid-murid dapat menenangkan diri _____ sebarang tekanan. [4 markah]

B. Padankan perkataan sinonim yang betul dengan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah ini. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Amalan kitar semula dapat memelihara alam sekitar daripada tercemar.

Pada hujung minggu, Dini membantu bapanya membersihkan halaman rumah.

Ganesh mengutip sampah itu lalu membuangnya ke dalam tong sampah.

Wan Shing dan rakan-rakannya melawat ke Taman Rama-rama Kuala Lumpur.

• berkunjung

• memungut

• menolong

• menjaga

[2 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami arahan soalan.
2. Fahami ayat dan maksud perkataan yang bergaris dalam ayat.
3. Soalan tersebut meminta kamu mencari sinonim bagi perkataan yang bergaris dalam ayat.